



## NOTIS MAKLUMAN

### **PENGOPERASIAN SEMULA LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT**

Selaras dengan Perutusan Khas oleh YAB Perdana Menteri pada 1 Mei 2020 sempena Hari Pekerja 2020, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) **akan memulakan semula operasi termasuk perkhidmatan di Kaunter Pusat dan Pusat Panggilan Utama (03-8880 1600) bermula Isnin, 4 Mei 2020 dengan waktu operasi terhad dari jam 9.00 pagi sehingga 3.00 petang sahaja berikutan dengan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).**

Sepanjang tempoh ini, LPPSA akan beroperasi pada kadar minima dan para pelanggan dinasihatkan untuk terus menggunakan medium komunikasi yang telah disediakan iaitu:

- a) Portal aduan/ pertanyaan rasmi LPPSA eTiket di <https://etiket.lppsa.gov.my/> ;
- b) membuat semakan sendiri melalui LPPSA MY FINANCING (Mobile App); atau
- c) Portal Permohonan Pembiayaan LPPSA di <https://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/>

untuk mengelakkan kesesakan di kaunter pusat dan talian khidmat pelanggan.

Kunjungan para pelanggan ke kaunter pusat hanya disarankan untuk urusan hal-hal penting yang memerlukan perhatian segera dan di mana maklumat tidak dapat ditemui di laman web atau melalui medium komunikasi yang telah disebutkan di atas.

Sehubungan itu, LPPSA akan mengambil inisiatif untuk melakukan penjarakan sosial di dalam segala aspek operasi di premis kami. Oleh yang demikian, jumlah pelanggan bagi setiap masa yang dibenarkan berurusan di dalam kaunter pusat akan dihadkan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Para pelanggan dinasihatkan untuk memastikan tahap kesihatan tuan/puan di dalam keadaan baik sebelum hadir ke kaunter pusat LPPSA dan tuan/puan hendaklah sentiasa memakai penutup hidung dan mulut sepanjang berurusan di kaunter pusat LPPSA.

Kerjasama dan kesabaran anda berurusan dengan LPPSA sepanjang tempoh PKPB ini amat dihargai.

Maklumat terkini mengenai LPPSA boleh dilayari di laman sesawang rasmi LPPSA, [www.lppsa.gov.my](http://www.lppsa.gov.my) dan Facebook Page LPPSA, [@OfficialPageLPPSA](https://www.facebook.com/OfficialPageLPPSA).

**3 MEI 2020**